

Utusan Borneo

PPK 2201122011 (026866)

Citra Generasi Prihatin

Siswi USIM wakil tunggal M'sia ke Forum Belia Asia di Bangkok

NILAI: Pelajar program Bioteknologi Makanan, Fakulti Sains dan Teknologi, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Fairus Abdul Manaf, menjadi wakil tunggal Malaysia menyertai Forum Belia Asia (AYF) Ke-13 di Bangkok, Thailand bermula Jumaat hingga 2 Feb.

Selain Fairus, 22, forum itu turut disertai 67 peserta antaranya dari Bangladesh, China, Indonesia, Jepun, Itali, Rusia, Korea Selatan, Thailand, Mongolia dan Filipina.

Penolong Pendaftar Pusat Komunikasi Strategik (StraComm) USIM Mohd Zaini Othman berkata AYF merupakan program tahunan peringkat antarbangsa yang menyasarkan pelajar universiti dan remaja dan disusunkan oleh Prof Kip Cates dari Universiti Tottori, Jepun pada 1999.

"Penganjuran AYF saban tahun bertujuan untuk menghimpunkan para pelajar intirusi pengajian tinggi di Asia khususnya dalam konvensyen antarabangsa untuk peserta saling bertukar dan berkongsi idea, pandangan dan pemikiran berkaitan isu budaya, bahasa, kepimpinan, sosial dan global," katanya dalam kenyataan di sini, kelmarin.

Sementara itu, Fairus ketika dihubungi melahirkan perasaan teruja, kerana dapat bersama-sama dengan pelajar universiti dari pelbagai negara dan mengucapkan terima kasih kepada universiti khususnya USIM Alammiyah atas peluang yang diberikan.

"Menurut penganjur, terdapat beberapa permohonan dari Malaysia untuk menjadi peserta AYF kali ini, tetapi selepas

disenarai pendek, hanya saya seorang sahaja dipilih.

"Inisiatu tanggungjawab besar bagi saya dan alhamdulillah, ketika sesi pembentangan mengenai keunikan Malaysia, ia berjalan lancar dan mendapat respons positif para hadirin.

"Kami diberi peluang untuk berbincang dan bekerjasama dalam pelbagai aktiviti yang memupuk semangat kerja berpasukan dan saling bantu-membantu selain terlibat dalam sesi berbentuk akademik, bengkel, mendengar ucapnama daripada tokoh terkemuka dan sesi forum terbuka," katanya.

Antara bandar raya yang pernah menjadi tuan rumah penganjuran AYF sebelum ini Seoul, Korea Selatan; Kokura dan Tokyo (Jepun); Taipei (Taiwan); Vladivostok (Rusia) dan Manila (Filipina). - Bernama